



ISHAK SAAT, AHMAD ZAINUDDIN HUSIN &
MOHD KASRI SAIDON

PAS (Parti Islam se Malaysia): Tribulasi Sepanjang Perjuangan

ABSTRAKSI: PAS (Parti Islam se Malaysia) merupakan parti tertua di Malaysia. Ia merupakan sebuah parti politik yang didominasi oleh orang Melayu beragama Islam. Dalam proses perjuangannya, ia telah melalui pelbagai tribulasi dan cabaran seperti krisis kepimpinan dan krisis keyakinan masyarakat umum untuk memahami prinsip dan strategi politik mereka. Adakalanya menimbulkan pelbagai polemik dalam masyarakat seperti isu pendekatan politik, isu perpecahan dalaman dan krisis kepimpinan parti, serta keyakinan rakyat. Kesemua ini menimbulkan persoalan besar tentang sokongan masyarakat Malaysia terhadap parti PAS. Justeru itu, makalah ini berusaha mengkaji, menyingkap, dan menjelaskan persoalan yang diperkatakan. Dengan merujuk sumber primer seperti dokumen rasmi parti dan sumber sekunder untuk menguatkan hujah dan penjelasan, dokumen-dokumen berkenaan dianalisis. Akhirnya, makalah ini dapat menjelaskan kepada pembaca tentang tribulasi dan cabaran yang dihadapi di sepanjang perjalanan PAS, sejak sebelum merdeka hingga alaf baru abad 21.

KATA KUNCI: Politik; Krisis Kepimpinan; Pakatan Rakyat; Tahlul Siyasi dan Perpecahan.

ABSTRACT: "PAS (Malaysian Islamic Party): Tribulations Throughout the Struggle". PAS is the oldest party in Malaysia. It is a political party dominated by Muslim Malays. In the process of its struggle, it has gone through various tribulations and challenges such as a leadership crisis and a crisis of confidence in the general public to understand their political principles and strategies. Sometimes, it causes various polemics in society such as the issue of political approach, the issue of internal division and the crisis of party leadership as well as the confidence of the people. All of this raises big questions about the support of the Malaysian community for the PAS party. Therefore, this paper tries to study, uncover and explain the issues discussed. By referring to primary sources such as official party documents and secondary sources to strengthen arguments and explanations. These documents are analyzed. Finally, this paper can explain to the reader about the tribulations and challenges faced along the journey of PAS, from before independence to the new millennium of the 21st century.

KEY WORD: Politics; Leadership Crisis; People Coalition; Political Leadership and Division.

About the Authors: Prof. Emeritus Dr. Ishak Saat ialah Pensyarah di UNIMEL (Universiti Islam Melaka), Malaysia; Prof. Madya Dr. Ahmad Zainuddin Husin ialah Pensyarah di Jabatan Sejarah FSK UPSI (Fakulti Sains Kemasyarakatan, Universiti Pendidikan Sultan Idris), Tanjong Malim, Perak, Malaysia; dan Prof. Madya Mohd Kasri Saidin, Ph.D. ialah Pensyarah dan Pengarah Muzium UUM (Universiti Utara Malaysia) Sintok, Kedah, Malaysia. Alamat emel penulis: ishaksaat1964@gmail.com, zainuddin_husin@fsk.upsi.edu.my, dan kasri@uum.edu.my

Suggested Citation: Saat, Ishak, Ahmad Zainuddin Husin & Mohd Kasri Saidin. (2026). "PAS (Parti Islam se Malaysia): Tribulasi Sepanjang Perjuangan" in *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, Volume 11(2), August, pp.29-56. Bandung, West Java, Indonesia: Minda Masagi Suci Foundation and ASPENSI, with ISSN 2443-1776 (print) and ISSN 2657-0491 (online).

Article Timeline: Accepted (May 22, 2026); Revised (July 10, 2026); and Published (August 17, 2026).

PENGENALAN

Kesan daripada Akta Darurat 1948 dan pengharaman Hizbul Mulimin menyaksikan bekas ahli Hizbul Muslimin dan para ulama meneruskan perjuangan ke arah kemerdekaan melalui UMNO (*United Malay National Organization*) dan MNP (*Malay Nationalist Party*). Para ulama pula terpaksa menyertai parti sedia ada sebagai wadah perjuangan. Namun akhirnya menyaksikan para ulama mula membentuk sebuah wadah baru untuk dijadikan platform bagi mereka bergiat cergas dalam pentas politik Malaya. Salah seorang daripada mereka ialah Haji Ahmad Fuad Hassan daripada UMNO. Beliau berpandangan bahawa para ulama di Malaya belum bersatu dan tiada organisasi yang menyatukan mereka. Dari pertubuhan Melayu terbesar inilah lahirnya cadangan untuk mewujudkan sebuah persatuan alim ulama (Helmiati, 2007).

Malah Dato Haji Fadzil Mohd Noor (2001), Presiden PAS, turut mengakui hakikat kebenaran sejarah penubuhan PAS. Secara sedar beliau menegaskan, seperti berikut:

Sayugia kita bersyukur atas gerak hati sekitar 250 jiwa umat Islam yang dipelopori oleh ulama, berkumpul di Bagan Tuan Kecil yang lebih dikenali kini Butterworth berjaya menubuhkan sebuah parti politik berasaskan Islam yang bernama Persatuan Islam se Malaya atau PAS pada 24 November 1951 untuk melaksanakan usul penubuhan PAS yang diluluskan dalam Persidangan Ulama Malaya kedua pada 23 Ogos 1951 di Sultan Suleiman Kelab, Kuala Lumpur (Noor, 2001:3-4).

Beliau menegaskan lagi:

[...] Sejarawan, perpustakawan, arkib, dan muzium tidak sempurna ilmu dan koleksinya jika tidak merakamkan khazanah sejarah kaya PAS setengah kurun ini. Sejak lahirnya, ia kenal dan berkawan sekejap dengan UMNO. Tidak semua yang hadir di pekan Bagan Tuan Kecil itu berdaftar menjadi ahli PAS, kerana mereka kekal UMNO (Noor, 2001:3-4).

Dalam Kongres Alim Ulama “Pan Malaya” dianjurkan pada 23 Ogos 1951, dan akhirnya menetapkan pembentukan Persatuan Alim Ulama se-Tanah Melayu, kemudian dikenali sebagai PAS (Persatuan Islam se Malaya). Para ulama Malaya dan situasi politik semasa yang

masih tidak menuju kepada syiar Islam boleh ditegakkan di bumi Melayu ini, maka para ulama membuat pendirian untuk menubuhkan parti politik (Effendy, 2024).

Haji Ahmad Badawi, seorang ulama di Seberang Perai, mengeluarkan satu manifesto yang dinamakan “Manifesto al-Badawi” dengan tema “Ulama ke Jalan Allah” bagi menyambut Persidangan Alim Ulama pada 24 November 1951. Dalam persidangan ini mereka memutuskan supaya PAS menjadi sebuah pertubuhan politik Islam, yang memperjuangkan kemerdekaan melalui landasan demokrasi ke arah membentuk sebuah negara Islam. Para ulama menolak pelbagai bentuk perjuangan yang berdasarkan ideologi ciptaan manusia. Semenjak itulah, PAS muncul sebagai sebuah pertubuhan politik Islam yang memperjuangkan kemerdekaan negara, kemudian menyertai pilihan raya demi pilihan raya (Isa, 2001; Effendy, 2024).

KAEDAH KAJIAN

PAS (Parti Islam se Malaysia) memiliki sejarah yang cukup panjang. Tribulasi yang dihadapi oleh PAS memantapkan perjuangan sebuah parti politik. Keberkesanan strategi dan perjuangan memberi kesan kepada agama Islam itu sendiri, kerana parti ini menggunakan agama sebagai dasar perjuangan. Dengan merujuk kepada sumber primer sejarah, seperti dokumen parti serta tafsiran kajian sarjana terdahulu (Ahmad, 2004; Hati *et al.*, 2025), maka artikel ini ingin memperjelaskan secara lebih lanjut tentang situasi yang dihadapi oleh PAS dan juga keberkesanannya dalam gerakan dakwah terhadap masyarakat Malaysia.

Situasi ini akhirnya menyebabkan proses perkembangan Islam dilihat dinamik dan progresif atau sebaliknya. Kegagalan strategi parti ini akan memberi kesan terhadap medan dakwah ke atas non-Muslim di negara Malaysia yang bersifat majmuk.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kesinambungan Perjuangan Hizbul Muslimin. Penulisan sejarah gerakan Reformasi dalam Islam di Malaysia menekankan bahawa

inspirasi penubuhan gerakan politik Islam bermula dengan kelahiran Hizbul Muslimin pada 14 Mac 1948 di Tanah Melayu. Bagaimanapun, usia Hizbul Muslimin terlalu singkat apabila ia dibubarkan berikutan tertangkapnya saf kepimpinan utamanya di bawah Akta Darurat 1948. Kemudian daripada itu, pada bulan November 1951, berasaskan Biro Ugama dalam UMNO (*United Malay National Organization*) sendiri, telah lahirnya Persatuan Ulama se Malaya yang dipimpin oleh Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan. Kemudian apabila memikirkan betapa perlunya sebuah pergerakan politik Islam di Tanah Melayu bagi mengimbangi perkembangan politik semasa dan demi untuk membela kebajikan umat Islam, maka namanya ditukar kepada Parti Islam se Malaysia (PAS), bahkan kedudukannya sendiri menjadi bebas dan terpisah dari UMNO (Abdullah, 1998:283).

Dakwaan inspirasi kelahiran PAS dari runtuh Hizbul Muslimin oleh kebanyakan pendukung dan tokoh-tokoh kepimpinan PAS turut dinyatakan oleh Nabir Haji Abdullah (1976). Beliau menegaskan bahawa penubuhan PAS yang bermula dari inspirasi perjuangan Hizbul Muslimin dan penglibatan beberapa aktivis yang berjuang di dalam Hizbul Muslimin terlibat secara langsung membantu Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan menubuhkan sebuah parti politik Islam. Ia bermula dari persidangan Alim Ulama pertama dan kedua, bersetuju untuk membentuk sebuah parti politik yang bebas dari UMNO. Atas cadangan Ustaz Othman Hamzah dan Mohd Azam dari Terengganu, maka nama “Persatuan Ulama” ditukarkan kepada “Persatuan Islam se Malaysia” (PAS). Mereka merupakan pendukung dan pejuang yang terlibat secara langsung dalam Hizbul Muslimin dan penubuhan PAS (Abdullah, 1976:210).

Dakwaan penubuhan PAS dari semangat atau inspirasi perjuangan Hizbul Muslimin, yang menekankan konsep negara Islam sebagai dasar perjuangan, ada logiknya. Walau bagaimanapun, dari sudut sejarah, kelahiran PAS tidak dapat lari atau menidakkan fakta bahawa kelahiran PAS adalah dari UMNO itu sendiri. Walau apapun, yang diperjelaskan oleh penulis-penulis sejarah mengenai inspirasi

tertubuhnya PAS, namun sejarah sebenar penubuhan PAS adalah lahir dari parti UMNO itu sendiri, iaitu dari Bahagian Biro Ugama (Abdullah, 1976).

Perkembangan PAS tidak mengikut apa yang dihayati oleh UMNO. Malah ada antara alim ulama bertindak meninggalkan UMNO. Bila PAS ditubuhkan secara rasmi dalam persidangan Alim Ulama kedua, di bawah anjuran UMNO di pejabat UMNO Butterworth pada 24 November 1951, natijahnya ia telah menggelisahkan para pemimpin UMNO, kerana penjelmaan PAS tidak mengikut kehendak UMNO. Demikianlah yang ditegaskan oleh Nabir Haji Abdullah (1976).

Kalau kita menyingkap pula tulisan Ahmad Atory Hussain (2000), jelas menegaskan berhubung dengan fakta sejarah penubuhan PAS berasal dari rusuk kiri UMNO. Beliau dengan sinis menulis dan menyatakan bahawa para cendekiawan yang mirip dengan perjuangan serta fahaman PAS tidak akan bersetuju dengan fakta tersebut, tetapi itulah realitinya. Beliau seterusnya menyambung lagi dengan mengatakan bahawa bagi mereka yang beranggapan PAS telah lama wujud sebelum UMNO ditubuhkan. Maka, menurut mereka, mengapa PAS terbit dari UMNO? Sebetulnya, PAS sebagai "parti" atau "organisasi" memang wujud dari UMNO. Ini tidak boleh dinafikan. Tetapi, prinsip atau perjuangan PAS memang sudah lama wujud sebelum *Malayan Union* lagi. Malah, ia sebetulnya wujud dari gerakan Islam yang dipelopori oleh Hizbul Muslimin yang telah diharamkan oleh British (Hussain, 2000:266-267).

Fakta ini membuktikan bahawa secara teknikal, penubuhan PAS adalah dari serpihan UMNO; tetapi dari segi semangat, inspirasi dan matlamat perjuangan Islamnya telah lama wujud, iaitu sejak tertubuhnya Hizbul Muslimin lagi.

Menyingkap lakaran sejarah yang dicatatkan oleh Muhammad Asri Haji Muda (1993), jelas mengakui bahawa PAS sememangnya dilahirkan dari UMNO, dan ini adalah hakikat sebenar sejarah. Beliau dengan tegas mengingatkan para pendukung PAS, tidak boleh

menipu serta mesti berlaku jujur kepada sejarah, lebih-lebih lagi sejarah penubuhan PAS itu sendiri. Sememangnya, wujud golongan yang berusaha menidak dan menafikan fakta sejarah ini. Mereka berusaha serta memberikan pelbagai penjelasan bahawa PAS ditubuhkan oleh pejuang-pejuang Islam tanpa mengaitkan sama sekali dengan fakta sejarah. Mahu tidak mahu, kita harus akui bahawa kebenaran sejarah penubuhan PAS iaitu dari Bahagian Agama dalam UMNO semasa di bawah kepimpinan Dato Onn bin Jaafar (Muda, 1993:41-42).

Walau bagaimanapun, pengasas-pengasas PAS waktu itu merupakan para alim ulama Melayu, yang berusaha untuk menubuhkan sebuah pertubuhan politik Islam, supaya ia menjadi parti alternatif kepada masyarakat Melayu di Tanah Melayu, seperti Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan, Tuan Haji Hussin Che Dol, Tuan Haji Muhammad Ghazali Haji Abdullah, Tuan Haji Abdullah Abbas Nasution, Tuan Haji Ahmad Maliki, Tuan Guru Haji Ahmad, Tuan Hussain, dan ramai lagi para cendekiawan Melayu Islam yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha penubuhan PAS.

Peranan ulama dalam mencetuskan gerakan kemerdekaan di Tanah Melayu tidak dapat dinafikan. Mereka memainkan peranan utama dalam perjuangan dan mempertahankan kedaulatan negeri-negeri Melayu daripada penceroboran penjajah. Semasa penjajahan British di Tanah Melayu, contohnya, ulama memainkan peranan penting dalam gerakan menentang penjajah. Pondok dan madrasah telah dijadikan markaz gerakan menentang penjajah. Kebanyakan pondok dan madrasah ini berkait rapat dengan PAS.

Antara pondok atau madrasah yang terawal terlibat dalam gerakan politik Islam menentang penjajah di Tanah Melayu ialah *Maahad Il Ihya as-Syarif*, yang terletak di Gunung Semangol, Perak. Usaha mereka berjuang menentang penjajah dan menuntut kemerdekaan tidak boleh dipandang sepi. Ramai sejarawan mencatatkan peranan penting *Maahad Il Ihya as-Syarif* dalam melahirkan para ulama yang bergerak cergas di jalur politik, seperti Ahmad Fuad Hassan, Abdul Raof Nur, Baharuddin Latif, Othman Hamzah, Ishak Raji, Abrab

Tarmimi, Haryati Hassan, Aminah Mahmud, dan Daud Abdullah. Mereka merupakan penggiat politik Islam yang terlibat dalam menubuhkan Hizbul Muslimin dan kemudiannya PAS di Tanah Melayu (Abdullah, 1976:230).

Dakwaan PAS ingin menjadikan Islam sebagai dasar perjuangan diakui kebenarannya oleh tokoh-tokoh politik dan sejarawan di negara ini. Antara mereka yang mengakui dan mencatatkannya dalam catatan sejarah seperti Burhanuddin Al-Helmy (1956), iaitu apabila beliau menjawab persoalan kenapa memilih PAS sebagai landasan perjuangannya. Beliau menjelaskan bahawa antara tahun 1948 hingga 1956, beliau tidak memilih mana-mana pertubuhan politik yang memperjuangkan Islam (Al-Helmy, 1956).

Tetapi hanya pada tahun 1956, beliau akhirnya memilih PAS kerana melihat kepada kehendak rakyat, khususnya bangsa Melayu, yang secara keseluruhannya menunjukkan minat untuk kembali kepada Islam sebagai dasar perjuangan dan cara hidup Islam. Lantaran itulah, beliau mengambil keputusan menyertai dan menerima jawatan Yang DiPertua PAS pada tahun 1956. Dalam ucapan sulung beliau, antara lain menegaskan:

I am thanking full to my worthy colleagues, who with all sincerity haven trusted me with the leadership of Pan Islamic Party. This occupation may, as it turns out to be, mark my return to active politics. One would be tempted to ask why is it that I have chosen to identify myself with PAS and not with Party Rakyat and for that matter, any other political party? Like many others who are struggling for freedom, my decision to be with PAS is based on objective political considerations facing us all today (Al-Helmy, 1956).

Terjemahan:

Saya mengucapkan terima kasih sepenuhnya kepada rakan-rakan sekerja saya yang berjasa, yang dengan sepenuh hati telah mempercayai saya untuk memimpin Parti Pan Islam. Pekerjaan ini mungkin, seperti yang ternyata, menandakan kembalinya saya ke politik yang aktif. Seseorang mungkin tergoda untuk bertanya mengapa saya memilih untuk mengenal-pasti diri saya dengan PAS dan bukan dengan Parti Rakyat dan dalam hal ini, mana-mana parti politik lain? Seperti ramai orang lain yang sedang berjuang untuk kebebasan, keputusan saya untuk bersama PAS adalah berdasarkan pertimbangan politik objektif yang dihadapi kita semua hari ini.

Kenyataan ini menggambarkan bahawa beliau memilih PAS (Parti Islam se Malaysia) kerana gelombang masyarakat waktu itu berkehendakkan satu dasar perjuangan yang berteraskan Islam, kerana Islam merupakan suatu pegangan yang amat rapat dengan bangsa Melayu.

Begitu juga catatan sejarah yang dilakarkan oleh [Ramlah Adam \(1998\)](#), yang antara lain berhujah bahawa kepimpinan Dr. Burhanuddin Al-Helmy dalam PAS selaras dengan tuntunan perjuangan Islam yang didukung oleh PAS. Petikan yang dipaparkan oleh beliau adalah sebagai berikut:

[...] Kepimpinannya dalam PAS yang cuba menegakkan konsep Darul Islam di celah-celah perjuangan kebangsaan Melayu pada tahun 1956-1969, juga salah satu daripada kegiatannya yang mencerminkan ideologi Islam ([Adam, 1998:159](#)).

Dalam pada itu, dasar perjuangan Islam yang digariskan oleh PAS (Parti Islam se Malaysia) adalah merupakan kesinambungan perjuangan Islam yang didukung oleh Hizbul Muslimin, iaitu untuk menegakkan negara Islam. Hujah ini amat jelas diperbahaskan oleh [Firdaus Haji Abdullah \(1985\)](#), yang antara lain menegaskan bahawa perjuangan yang didukung oleh PAS ialah berusaha menegakkan sebuah negara Islam di Tanah Melayu, seandainya berjaya memenangi hati masyarakat majmuk di Tanah Melayu melalui pilihan raya ([Abdullah, 1985:47](#)).

[Nasaruddin Mat Isa \(2001\)](#), Setiausaha Agong PAS (2002-2005), turut menyatakan bahawa dasar dan perjuangan PAS amat bertentangan dengan UMNO (*United Malay National Organization*), lantaran itu PAS bertindak meninggalkan UMNO. Pertembungan yang amat ketara dari segi ideologi, dasar, dan matlamat perjuangan ini menyebabkan PAS mesti memilih haluan yang berlainan untuk meneruskan perjuangan Melayu Islam di Malaysia ([Isa, 2001:6](#)).

Karya-karya sejarah di atas itu menjelaskan bahawa perjuangan PAS adalah untuk menegakkan negara Islam di Malaysia. Dengan kata lain, PAS merupakan sebuah parti yang memperjuangkan Islam kerana PAS berpendapat bahawa hanya dengan Islam sahajalah bangsa

Melayu akan terbela. Sesungguhnya di Tanah Melayu, bangsa Melayu dan Islam merupakan suatu sinonim yang nyata. Perjuangan PAS yang berteraskan Islam merupakan suatu perjuangan untuk menegakkan keadilan dan kebajikan, bukan sahaja untuk bangsa Melayu tetapi perjuangan Islam yang menjamin keadilan untuk semua bangsa tanpa mengira pegangan agama mereka.

PAS for All, sebuah slogan yang mampu menawan hati masyarakat majmuk di Malaysia. Sesungguhnya, perjuangan Islam yang didukung oleh PAS dapat menjamin hak kebebasan beragama bagi semua kaum yang terdapat di Malaysia. Islam yang diperjuangkan oleh PAS merupakan sebuah agama yang bersifat universal dan menganjurkan hidup bermasyarakat serta menekankan hak kesamarataan dalam menikmati khazanah kekayaan negara. Malah, Islam melarang keras para pemimpin mereka mengamalkan konsep nepotisme dan kronisme. Oleh kerana dasar dan prinsip perjuangan yang amat ketara inilah, PAS tidak boleh bersama dengan UMNO.

Era Kepimpinan Ulama dan Profesional. Sepanjang sejarah perjuangan PAS (Parti Islam se Malaysia), sama ada di awal penubuhannya atau sehingga dekad hari ini, PAS di sepanjang tribulasi perjalanannya dipimpin oleh barisan kepimpinan ulama dan profesional. Bermula dengan kepimpinan Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan, Dr. Abbas Alias, Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Mohd Asri Haji Muda, dan kemudiannya Tuan Haji Yusof Rawa telah meletakkan PAS di persada politik Malaysia dengan sejarah dan pencapaian masing-masing.

Kemudian kepimpinan PAS beralih pula kepada Dato Fadzil Mohammad Noor dan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang. Dengan tidak melupakan tokoh ulama tersohor Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Mereka dibantu oleh barisan profesional yang cukup mantap. Gandingan ini menjulang PAS dan menempa sejarah tersendiri parti ini.

Krisis Kepimpinan. Menyingkap sejarah pengasas PAS (Parti Islam se Malaysia) itu sendiri, iaitu Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan merupakan seorang alim yang disegani kawan dan lawan. Beliau pernah menuntut di *Maahad Il Ihya as-Syariff*, Gunung Semanggol

(Abdullah, 1976:209). Malah, beliau juga merupakan *Mudir Madrasah Al-Masriyah*, Bukit Mertajam (Muda, 1993:40).

Lantaran itu, sebelum tertubuhnya PAS, beliau telah pun diamanahkan oleh UMNO (*United Malay National Organization*) untuk memimpin Biro Agama UMNO; dan dalam masa yang sama, beliau merupakan Jawatankuasa Majlis Tertinggi UMNO. Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan, Tuan Haji Ahmad Maliki, dan beberapa orang lain merupakan penggerak kepada Biro Agama UMNO itu sendiri.

Namun, apabila kepimpinan UMNO bertukar daripada Dato Onn Jaffar kepada Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, senario UMNO mulai berubah. Tunku lebih menekankan kepada sebuah pertubuhan atau organisasi untuk golongan agama. Maka Tunku mencadangkan penubuhan sebuah organisasi yang boleh mewakili golongan ini. Justeru itu, Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan mengambil inisiatif untuk memulakan langkah ke arah saranan tersebut. Persidangan Alim Ulama dianjurkan. Melalui persidangan ini persatuan ulama berjaya direalisasikan, yang akhirnya dikenali sebagai Persatuan Islam se Malaysia.

Keakraban antara Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan dengan Dato Onn Jaffar tidak dapat dinafikan; kesetiaan dan keakraban mereka ini akhirnya membawa kepada suatu keputusan drastik oleh beliau, iaitu meninggalkan PAS. Ini dilakukan kerana usaha beliau membawa PAS berkerjasama dengan IMP (*Independence Malayan Party*) pimpinan Dato Onn Jaffar dalam *National Conference*, menemui kegagalan (Muda, 1993:41).

Rentetan dari peristiwa itu akhirnya Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan mengambil keputusan meninggalkan PAS untuk menyertai IMP pimpinan Dato Onn Jaffar. Pemergian Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan terpaksa digantikan oleh Dr. Haji Abbas Alias. Namun kepimpinan Dr. Haji Abbas Alias tidak berapa dinamik, kerana kesibukan tugas sebagai seorang pegawai tinggi kerajaan dalam bidang perubatan membuatkan beliau sentiasa bertugas ke kawasan. Ini menghalang beliau memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap urusan parti (Abdullah, 1998:284).

Akhirnya, bagi menggantikan Dr. Haji Abbas Alias, Dr. Burhanuddin Al-Helmy merupakan calon terbaik waktu itu untuk memimpin PAS. Usaha ini dilakukan supaya PAS mempunyai seorang pemimpin yang setanding dengan ketokohan kepimpinan parti-parti lawan, seperti Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dalam UMNO, Dato Onn Jaffar memimpin IMP dan Parti Negara, Ahmad Boestamam yang memimpin PRM (Parti Rakyat Malaya), serta Tan Cheng Lock yang memimpin MCA (*Malaysia Chinese Association*).

Menyedari akan realiti politik waktu itu, maka para pemimpin PAS, khususnya Haji Hassan Adli, telah berusaha untuk mendapatkan Dr. Burhanuddin Al-Helmy (Adam, 2000:140). Ramlah Adam (2000) pula menggambarkan Dr. Burhanuddin Al-Helmy mewakili kelompok para cendekiawan Melayu Islam. Hatta, ketokohan dan keilmuannya turut diakui oleh pihak kawan dan lawan. Beliau turut menegaskan usaha yang bersungguh-sungguh dilakukan oleh orang kanan PAS bagi membawa Dr. Burhanuddin Al-Helmy memimpin PAS. Orang yang bertanggungjawab itu adalah Ustaz Hassan Adli Haji Muhammad Arshad (Adam, 2000).

Walaupun terdapat beberapa pimpinan PAS yang sudah bersedia untuk menandingi jawatan Yang DiPertua PAS, namun Ustaz Hassan Adli Haji Muhammad Arshad berpendapat bahawa mereka semua hendaklah menarik diri, kerana tidak akan mampu menandingi ketokohan dan keilmuan yang dimiliki Dr. Burhanuddin Al-Helmy. Menurut Ustaz Hassan Adli Haji Muhammad Arshad lagi, ketokohan Dr. Burhanuddin Al-Helmy akan dapat membantu PAS dalam usaha menandingi parti-parti lawan yang memiliki tokoh-tokoh pemimpin bertaraf nasional (Adam, 2000:140-141).

Tegas Ustaz Hassan Adli Haji Muhammad Arshad, yang dipetik daripada Ramlah Adam (2000), adalah sebagai berikut:

[...] Saya rasa semua calon itu patut menarik diri sahaja, kerana apalah persamaannya kaliber kita semua manakala ditandingkan dengan Dr. Burhanuddin itu? (Adam, 2000:142).

Usaha yang bersungguh-sungguh ini akhirnya berjaya membuahkan hasil, maka pada 25 Disember 1956, iaitu dalam Multamar Tahunan

PAS kelima, secara rasmi Dr. Burhanuddin Al-Helmy dipilih untuk memimpin PAS (Parti Islam se Malaysia). Kesuburan demokrasi dalam PAS terserlah. Beliau ditentang dalam pemilihan jawatan Yang DiPertua Agong PAS dalam muktamar PAS tersebut. Pertandingan ini menggambarkan bahawa terdapat segolongan yang berpendapat sepatutnya PAS dipimpin oleh orang dalam bukan tokoh politik dari luar. Dr. Burhanuddin Al-Helmy ditentang oleh Zulkifli Muhammad (Adam, 2000:148).

Dalam pertandingan dua penjuror tersebut kemenangan berpihak kepada Dr. Burhanuddin Al-Helmy. Apa yang menarik dalam PAS waktu itu, calon yang kalah tidak pula dipinggirkan. Sebaliknya, Dr. Burhanuddin Al-Helmy digandingkan dengan Zulkifli Muhammad yang dilantik sebagai Timbalan Yang DiPertua. Gandingan kedua-dua tokoh ini akhirnya berjaya menempa sejarah gemilang PAS tahun 1959. Strategi menggabungkan kepimpinan ulama dengan profesional ini berjaya memberikan hasil yang cukup baik kepada PAS. Empat puluh (40) tahun kemudian, PAS mengguna-pakai strategi yang sama, iaitu dalam Pilihan Raya 1999; dan ternyata strategi yang serupa ini sekali lagi membuahkan hasil, dan ia tercatat dalam sejarah kegemilangan PAS dalam persada politik di Malaysia (Adam, 2000).

Mendalami tulisan Abdul Rahman Haji Abdullah (1998), beliau menggambarkan bahawa kepimpinan PAS melalui gabungan dua tokoh ini, iaitu Dr. Burhanuddin Al-Helmy dan Zulkifli Muhammad dalam arena politik Tanah Air, akhirnya melonjakkan nama PAS di persada politik negara. Pandangan Abdul Rahman Haji Abdullah (1998) ini jelas mengakui kepimpinan dua tokoh PAS, yang merupakan suatu kombinasi golongan ulama dan golongan intelektual (Abdullah, 1998:184-185).

Di bawah kepimpinan mereka, PAS terjulang namanya, sehingga berjaya merampas Negeri Kelantan dan Terengganu dalam Pilihan Raya 1959 dan 1964. Sejarah ini berulang kembali pada tahun 1990 dan 1999, di bawah kepimpinan kombinasi ulama dan intelektual PAS, antara barisan kepimpinan mereka waktu itu pula ialah Dato Haji Fadzil Mohd Noor, Dato Abdul Hadi Awang, dan Dato Hassan Ali.

Demikianlah hebatnya tokoh-tokoh politik Islam sekiranya kepimpinan Islam digabungkan dengan kepimpinan intelektual Melayu, kerana melalui pendekatan ini akan terserlah suatu bentuk baru kepimpinan politik Melayu dan Islam di Malaysia. Ia merupakan satu pendekatan yang seharusnya disuburkan sepanjang masa, kerana Melayu dan Islam tidak boleh dipisahkan begitu sahaja. Malah sesuai dengan konsep *Son of the Soil*, pribumi asal orang Melayu. Sejarah juga telah mencatatkan bahawa alam Melayu ini boleh cemerlang, gemilang, dan terbilang hanya dengan berpaksikan kepada Islam.

Namun bak kata pepatah “langit tidak selamanya cerah”, demikianlah juga yang melanda PAS. Tragedi Mei 1964, PAS kehilangan Timbalan Yang DiPertua-nya beberapa hari selepas Pilihan Raya Umum tahun 1964. Zulkifli Muhammad terlibat dalam kemalangan jalan raya, sekembalinya dari mesyuarat di JKR (Jabatan Kerja Raya) ke-10, iaitu kediaman rasmi Menteri Besar Kelantan, dalam perjalanan pulang ke Kuala Kangsar, Perak (Muda, 1993:65).

Gugur sebutir permata. Jawatan beliau dipangku oleh Dato Haji Muhammad Asri Haji Muda. Kemudian dari itu pula, iaitu pada 10 Oktober 1969, Dr. Burhanuddin Al-Helmy pula kembali ke rahmatullah. Tribulasi demi tribulasi terpaksa dilalui oleh PAS. Situasi ini akhirnya memaksa Dato Haji Muhammad Asri Haji Muda sekali lagi memikul tanggungjawab yang lebih berat lagi, iaitu memangku jawatan Yang DiPertua PAS (Muda, 1993:65; Adam, 2000:233).

Nabir Haji Abdullah (1976) menjelaskan bahawa Muhammad Asri Haji Muda merupakan seorang tokoh yang boleh digolongkan dalam golongan ilmuan keagamaan, kerana beliau semasa di *Maahad Il Ihya as-Syariff*, Gunung Semanggol, merupakan guru dalam bidang siasah Islam dan pernah menuntut ilmu agama di Kuala Kangsar, Perak (Abdullah, 1976:211). Walaupun memiliki pengalaman luas, tetapi Dato Muhammad Asri Haji Muda tidak mampu memikul legasi yang ditinggalkan oleh kepimpinan PAS terdahulu. Kehilangan kepimpinan ulama intelektual ini merupakan satu kehilangan besar kepada gerakan politik Islam di Malaysia, kerana kemudian daripada ini PAS seolah-olah dilanda pelbagai krisis yang akhirnya

membuatkan PAS kehilangan Kelantan dan Terengganu.

Malah, sejarah hitam itu tidak berhenti di situ sahaja, tetapi sebaliknya PAS terus-terusan dilanda krisis demi krisis seperti krisis kepimpinan dan masalah kronisme yang akhirnya membawa kepada jatuhnya kepimpinan tertinggi, yang akhirnya juga melahirkan kumpulan serpihan yang lebih dikenali dengan panggilan Kumpulan 13. Kumpulan ini akhirnya merealisasikan kelahiran Parti Hizbul Muslimin [HAMIM] pada tahun 1984.

Sarjana Alias Muhamed (1984) mencatatkan latar belakang pendidikan Muhammad Asri Haji Muda, seorang pelajar berpendidikan sekolah pondok di Kelantan dan kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Majlis Ugama Islam di Kota Bahru, Kelantan. Di sini beliau mendapat pendidikan agama secara formal (Muhamed, 1984:84). Ini menunjukkan bahawa Dato Muhammad Asri Haji Muda juga oleh dikategorikan sebagai seorang yang berpendidikan agama atau tergolong dalam golongan agama atau secara mudah dikatakan golongan ilmuwan agama.

Walaupun di penghujung kepimpinan beliau ditolak oleh ahli-ahli PAS sendiri, tetapi jasa yang beliau sumbangkan terhadap perjuangan PAS, selepas kehilangan dua tokoh besar PAS, tidak boleh dikesampingkan begitu sahaja. Malah, di akhir hayat perjuangan politik Islam, beliau itu diperlihatkan sebagai seorang ahli yang komited dengan perjuangan politik Melayu Islam bersama dengan UMNO. Suatu tindakan drastik yang beliau amat sedar risikonya, khususnya kritikan dan tohmahan dari sahabat-sahabat lama dalam PAS. Namun kritikan ini harus dilihat dari pelbagai sudut kerana, *pertamanya*, beliau mendakwa penyingkiran dari menerajui PAS secara tidak terhormat. Satu tindakan yang beliau tidak boleh terima, khususnya dalam peristiwa mengaibkan di Mukhtar Tahunan PAS tahun 1983.

Kedunya, perjuangan politik Islam yang dipelopori oleh beliau sejak zaman muda lagi telah menjadi darah dagingnya. Lantaran itu, beliau tidak dapat menerima kekosongan dalam perjuangan politik apabila disingkirkan. Beliau bertindak dengan membuat keputusan cukup drastik dan mengejutkan banyak pihak. Lagipun percubaan

mewujudkan parti baru melalui HAMIM tidak mendapat sambutan yang menggalakkan. Akhirnya beliau bertindak nekad dengan menyertai UMNO dan Barisan Nasional. Suatu fakta sejarah yang tidak boleh dilupakan begitu sahaja oleh semua pengkaji sejarah bahawa nama Barisan Nasional [BN] itu sendiri lahir dari cadangan beliau sendiri. Ia berlaku ketika PAS di bawah kepimpinan beliau menyertai PERIKATAN pada tahun 1974.

Meyengkap kembali peristiwa saat-saat akhir kepimpinan Dato Muhammad Asri Haji Muda dalam PAS, iaitu di Mukhtamar Tahunan PAS yang berlangsung pada 23 Oktober 1982, bertempat di Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Detik bersejarah ini tidak akan beliau lupakan dan teramat menyesali peristiwa itu, kerana ia memalukan beliau sebagai seorang pemimpin parti yang sudah memimpin kira-kira 13 tahun lamanya dan hampir seluruh usianya dihabiskan di dalam perjuangan PAS.

Di mukhtamar tersebut, perwakilan menolak Ucapan Dasar yang diberikan oleh beliau di awal persidangan. Inilah pertama kali dalam sejarah PAS di mana Ucapan Dasar Yang Dipertua Agung-nya ditolak mentah-mentah. Bukan setakat itu sahaja, malah sepanjang ucapan dasar tersebut kedengaran pekikan *Marakbar Asri*, *Marakbar Asri*, dengan diselang-selikan dengan takbir *Allahu Akbar*.¹ Ini merupakan suatu peristiwa yang amat memalukan dan mengaibkan sejarah PAS. Peristiwa itu akhirnya membuatkan beliau terpaksa mengambil keputusan untuk mengundur diri dari menerajui PAS yang amat beliau sayangi.

Krisis tersebut tidak berhenti di situ sahaja, tetapi malangnya beliau dan beberapa orang yang lebih dikenali “Kumpulan 13” dikenakan tindakan tata-tertib oleh pihak parti.² Tindakan ini mengeruhkan lagi

¹*Marakbar Asri* merupakan perkataan Arab, yang membawa maksud “Mampuslah Asri”. Ia merupakan ungkapan perkataan yang amat popular di Iran semasa kebangkitan revolusi Iran pada 1979. *Marakbar Amerika* adalah ungkapan kata-kata yang begitu popular bermain di bibir rakyat Iran dalam usaha meniupkan semangat menentang Amerika Syarikat pada waktu itu. Lihat, selanjutnya, Muhammad Asri Haji Muda (1993:117).

²“Kumpulan 13” merupakan nama jolokan yang diberikan kepada sekumpulan penyokong setia kepada Dato Muhammad Asri Haji Muda, yang membantah atas tindakan yang telah parti lakukan ke atas Yang Dipertua PAS itu. Mereka terdiri daripada: (1) Dato Haji Ishak Lotfi, bekas Menteri Besar Kelantan merangkap Pesuruhjaya PAS Kelantan dan Ketua Dewan Ulama Kelantan; (2) Dato Nik Man Nik Mat, bekas Timbalan Menteri Besar Kelantan dan Timbalan Pesuruhjaya PAS Kelantan; (3) Tuan Haji Wan Ismail Ibrahim, bekas Timbalan Menteri Besar

suasana krisis dalaman yang melanda PAS. Dato Muhammad Asri Haji Muda berhujah lagi bahawa di dalam surat tunjuk sebab tidak dinyatakan apakah kesalahan yang dilakukan (Muda, 1993:115).

Ini menimbulkan banyak persoalan yang perlu dijawab oleh mereka yang terlibat. Beliau tidak puas hati, kerana tidak diberikan ruang keadilan untuk membela diri; dan atas tindakan yang dikenakan terhadap Kumpulan 13 itu maka beberapa penyokong setia dari Negeri Kedah, seperti Dato Haji Sudin Wahad, Tuan Haji Othman Al-Yunusi, dan Tuan Haji Mohd Ramli Abdullah mengambil beberapa inisiatif bagi menjernihkan keadaan, tetapi menemui jalan buntu. Akhirnya, berlakulah pepecahan. Kemudian mereka ini mengambil keputusan untuk menubuhkan parti baru, yang diberi nama HAMIM atau Hizbul Muslimim Malaysia.³

Krisis dalaman ini bukan sahaja memperlihatkan pengunduran kepimpinan Dato Muhammad Asri Haji Muda dari kerusi Yang DiPertua Agung PAS, tetapi ia pergi lebih jauh dari itu; beliau dan penyokong-penyokong setianya membuat keputusan drastik, iaitu bertindak meninggalkan PAS dan seterusnya menubuhkan parti baru yang akhirnya menjadi penentang PAS, dan juga kemudiannya apabila Dato Muhammad Asri Haji Muda meninggalkan HAMIM, ia menjadi kawan PAS dalam siri Pilihanraya 1990 dan 1995. Liku-liku perjalanan PAS ini menjadikan sejarah perjuangan PAS lebih menarik lagi untuk dikaji dan disingkap.

Sarjana Alias Muhamed (1994) menyingkap peristiwa krisis dalaman PAS, menyatakan terdapat tiga sebab utama yang membawa

Kelantan dan bekas AJK PAS Pusat; (4) Tuan Haji Hassan Haji Muhammad, bekas Bendahari Agung PAS Pusat; (5) Tuan Haji Azahari Awang, bekas AJK PAS Pusat dan juga bekas Naib Ketua Pemuda PAS Pusat; (6) Tuan Haji Salahuddin Abdullah, bekas Setiausaha Perhubungan PAS Kelantan; (7) Tuan Haji Abdul Halim Salleh, bekas Exco Kerajaan Kelantan; (8) En. Muhammad Shaari Haji Awang Ali, bekas Setiausaha PAS Kawasan Rantau Panjang; (9) En. Muhammad Fakaruddin Haji Abdullah, bekas AJK PAS Pusat; (10) Tuan Haji Mohd Zain Abdullah, bekas AJK PAS Pusat; (11) Tuan Haji Wan Sulaiman Haji Ibrahim, bekas Exco Kerajaan Kelantan; (12) Tuan Haji Wan Ibrahim Wan Abdullah, bekas Setiausaha Dewan Pemuda PAS Kelantan; serta (13) Dato Muhammad Asri Haji Muda sendiri. Untuk keterangan lanjut, sila baca Muhammad Asri Haji Muda (1993:114-115).

³Dato Haji Sudin Wahad merupakan tokoh PAS Kedah yang bertindak keluar dari PAS dan terlibat secara langsung dalam pembentukan HAMIM dan kemudiannya menjadi Setiausaha Agung HAMIM; Tuan Haji Othman Al-Yunusi merupakan tokoh PAS dan pernah menjawat jawatan Pesuruhjaya PAS Kedah; serta Tuan Haji Ramli bin Abdullah merupakan tokoh PAS yang pernah menjawat jawatan seperti AJK PAS Pusat dan AJK Dewan Ulama PAS Pusat.

kepada berlakunya krisis kepemimpinan tersebut. Tiga faktor ini dibahasakan secara lebih terbuka dan kritis, ialah, *pertamanya*, berkaitan dengan keputusan Dato Muhammad Asri Haji Muda membawa PAS menyertai kerajaan Barisan Nasional pada tahun 1974. Tindakan ini menyebabkan PAS terbahagi kepada dua kumpulan yang pro dan kontra. Tindakan ini sedikit-sebanyak menyebabkan berlakunya bibit-bibit tidak puas hati para pendukung PAS.

Faktor *kedua* pula, berkaitan dengan sikap dan tindakan serta stail kepemimpinan Dato Muhammad Asri Haji Muda yang kronisme dan nepotesme, seperti memilih kawan dan keluarga dalam memberikan jawatan ataupun dalam pemilihan calon-calon Pilihan Raya. Tindakan ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati ahli-ahli PAS terhadap kepemimpinan beliau itu.

Faktor yang *ketiga* pula adalah berkaitan dengan semangat perjuangan dan revolusi Islam Iran pada 1979, yang baru sahaja berjaya mengalahkan musuh mereka, iaitu Amerika Syarikat, dan menumbangkan diktator Shah Iran. Semangat ini telah meresapi ke dalam PAS (Muhammed, 1994:178-179).

Dakwaan ini dapat dilihat dalam era kepemimpinan Ulama PAS waktu itu, budaya *serban merah* menjadi-jadi. Ini merupakan satu pengaruh dalam Revolusi Islam Iran. Ditambah pula kepemimpinan Dato Muhammad Asri Haji Muda yang kurang menonjol atau kabur dengan imej Islam yang dibawanya, malah lebih bersifat nasionalisme Melayu tradisi. Kebangkitan golongan muda dalam PAS yang mencintai imej dan perjuangan Islam yang lebih nyata dan tulen. Menurut penulis, faktor ini merupakan penyumbang ke arah gelora politik kepimpinan dan pengakhiran kepimpinan Dato Muhammad Asri Haji Muda dalam PAS.

Tempat Dato Muhammad Asri Haji Muda diambil-alih oleh Tuan Haji Yusof Rawa, bolehlah dirumuskan bahawa di bawah kepimpinan beliau, PAS cuba dibawa menerokai era Reformasi yang lebih terbuka, sesuai dengan peredaran zaman. Malah, amat tepat kalau dikatakan bahawa di bawah kepimpinan beliau inilah PAS mendapat nafas baru yang lebih radikal dari kepimpinan tradisi agar PAS benar-benar

menonjolkan cita-cita gerakan Islam yang digariskan di dalam perlembagaan PAS. Jasa dan sumbangan beliau, terutamanya dalam perjuangan untuk mendaulatkan syiar Islam di bumi Melayu ini, akhirnya mendapat pengiktirafan dari kerajaan Pulau Pinang, dan seterusnya beliau dianugerahkan Tokoh *Maal Hijrah* Negeri Pulau Pinang Tahun 1992 (Jaafar, 2000:5).

Namun, keuzuran yang tiada penghujungnya, memberikan kesempatan kepada pemimpin muda mengambil-alih kepimpinan PAS, antara mereka itu ialah Ustaz Haji Fadzil Muhammad Noor sebagai Presiden PAS dengan dibantu Timbalannya, iaitu Tuan Haji Abdul Hadi Awang. Kepimpinan mereka ini diperkuatkan lagi dengan kehadiran tokoh politik Islam yang berpengalaman luas, iaitu Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat tahun 1967 lagi.

Menurut Alias Muhamed (1994) lagi, kebangkitan Haji Abdul Hadi Awang dalam PAS, dengan dibantu oleh tokoh-tokoh muda seperti Haji Fadzil Muhammad Noor dan Haji Nakhaie, merupakan suatu kekuatan kepada PAS era kepimpinan tokoh-tokoh muda, yang mengambil-alih kepimpinan daripada Dato Muhammad Asri Haji Muda dan Tuan Haji Yusof Rawa. Jelas beliau selanjutnya adalah seperti berikut:

[...] the leadership of PAS passed to a younger and radical group of persons, in particular Haji Abdul Haji Awang, Haji Fadhil Noor, and Haji Nakhaie (Muhamed (1994:182).

Terjemahan:

Kepimpinan PAS diserahkan kepada golongan yang lebih muda dan radikal, khususnya Haji Abdul Haji Awang, Haji Fadhil Noor, dan Haji Nakhaie.

Gelombang kebangkitan Islam serata Dunia meninggalkan impak yang cukup besar ertinya kepada gerakan-gerakan Islam seluruh Dunia, khususnya kemenangan dan kejayaan Revolusi Islam di Iran yang menumbangkan diktator Shah Iran, kemudiannya lahirnya sebuah Republik Islam Iran. Alias Muhamed (1994) menegaskan bahawa kepimpinan PAS mendapat nafas baru dan menjadi lebih

bersemangat lagi dengan kejayaan perjuangan Islam di negara bersejarah Parsi itu. Perjuangan PAS seterusnya diresapi serta mengambil semangat juang yang ditunjukkan oleh kejayaan Revolusi Islam Iran tersebut (Muhammed, 1994).

Manakala Abdul Rahman Haji Abdullah (1998) pula menyatakan bahawa di bawah kepimpinan tokoh-tokoh muda ini, PAS terus mengorak langkah dan berjaya menempa sejarahnya yang tersendiri. PAS berjaya menebus maruah dengan menawan kembali Negeri Kelantan, yang suatu masa dahulu merupakan negeri di bawah kerajaan PAS selama 18 tahun (Abdullah, 1998:184-185).

Kejayaan ini amat bermakna dan bersejarah bagi PAS. Malah menceriaikan lagi sejarah perjuangan politik PAS. Kemudian PAS bersama-sama dengan Barisan Alternatif berjaya sekali lagi mengulangi sejarah gemilang tahun 1959, iaitu menawan Negeri-negeri Pantai Timur, iaitu Kelantan dan Terangganu pada Pilihan Raya tahun 1999. Nampaknya mereka berjaya mengulangi kegemilangan sejarah yang pernah dicatatkan di zaman kepimpinan tokoh ulama intelek Melayu Islam, iaitu Prof. Dr. Burhanuddin Al-Helmy dan Profesor Zulkifli bin Muhammad.

Peristiwa penyingkiran PAS dari BN (Barisan Nasional) membuatkan senario politik Melayu semakin menarik untuk dikaji. Haji Fadzil bin Muhammad Noor mengambil keputusan menyertai PAS apabila parti ini disingkirkan dari BN. Perlu dijelaskan di sini bahawa ketika Haji Fadzil bin Muhammad Noor menjadi Timbalan Presiden ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia), yang waktu itu dipimpin oleh Anwar Ibrahim, seorang tokoh muda yang begitu lantang menyuarakan ketidakadilan dan kepincangan kerajaan. Peristiwa ini menunjukkan kaitan ABIM dengan PAS.

ABIM yang terkenal dengan kelantangannya membantu PAS, yang ketika itu sedang dilanda krisis. Sebagai bukti, keputusan Pilihan Raya tahun 1978, di mana PAS mengalami kekalahan teruk; dan ekoran dari itulah Haji Fadzil bin Muhammad Noor, Nakhaie Haji Ahmad, dan beberapa orang tokoh ABIM mengambil keputusan drastik dengan menyertai PAS (Abdullah, 1998:352-353).

Perlu juga dijelaskan bahawa ABIM dan PAS waktu itu mempunyai hubungan yang cukup akrab. Malah, bagi kepimpinan ABIM yang merasakan ingin menyambung wadah perjuangan politik, maka PAS akan menjadi *platform* penerusan perjuangan. Bukti jelas beberapa kepimpinan ABIM dalam PAS, seperti Haji Fadzil bin Muhammad Noor, bekas Timbalan Presiden ABIM; Haji Abdul Hadi Awang, bekas Yang DiPertua ABIM Terengganu; Haji Nakhaie Ahmad, bekas Exco ABIM Pusat; Haji Kamaruddin Jaafar, bekas Penolong Setiausaha ABIM Pusat; juga Tuan Ibrahim Tuan Man, dan ramai lagi yang menjadi aktivis PAS pelbagai peringkat.

Namun satu fakta yang menarik perlu dipaparkan dalam catatan sejarah ini, terdapat juga ramai di antara mereka bertindak menyertai UMNO, seperti: Anwar Ibrahim; Haji Fuad Hassan, bekas Setiausaha ABIM Pusat; Kamaruddin Mohd Nor, bekas Exco ABIM Pusat; Fauzi Abdul Rahman, bekas Exco ABIM Pusat; dan ramai lagi. Perbezaan jelas antara mereka ialah kepimpinan ABIM yang menyertai PAS berjaya mencorakkan perjalanan dan sejarah PAS. Tetapi sebaliknya, dalam kepimpinan ABIM dalam UMNO tenggelam bersama arus peredaran politik.

Kepimpinan PAS mendapat suntikan dalam kepimpinannya, apabila gelombang kedua berlaku dalam barisan kepimpinan PAS. Gelombang kedua penyertaan golongan profesional ialah pada tahun 1998, setelah pemecatan Anwar Ibrahim dari UMNO. Kemasukan beramai-ramai ini memberi kekuatan kepada PAS untuk melangkah dengan lebih mantap dan berkesan. Antara yang menyertai PAS ialah Dato Hassan Ali, Kamaruddin Jaffar, Ustaz Ahmad Awang, Hanifa Maidin, Dr. Lo' Lo' Ghazali, Dr. Mariah Muhammad, dan lain-lain lagi. Malah mereka dibagi ruang dan peluang berganding bahu dengan para ulama untuk memimpin PAS.

Strategi ini melonjakkan dan menghasilkan kejayaan yang membanggakan. Antara kejayaan PAS ialah penambahan keahlian PAS mencecah melebihi 300,000 orang. Ini satu kejayaan yang cukup membanggakan bagi sebuah parti Islam. Pendekatan dan slogan *PAS for All* benar-benar berjaya menjulang PAS untuk menjadi pilihan

kepada rakyat Malaysia. Dalam Pilihan Raya Umum ke-10 tahun 1999, peningkatan mendadak ahli parlimen sebanyak 27 orang merupakan satu kejayaan besar dalam sejarah PAS.

Hasilnya, PAS pada tahun 1999 berjaya menawan semula Negeri Terengganu setelah 40 tahun kehilangannya di tangan UMNO pada tahun 1959. PAS juga berjaya mempertahankan Negeri Kelantan. Malah, lebih cemerlang lagi berjaya menguasai 193 ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) dengan memecahkan tradisi UMNO di beberapa Negeri yang PAS tidak pernah memenanginya, seperti di Johor, Selangor, Perak, dan Pahang (Halim *et al.*, 2016:33).

Di bawah kepimpinan Haji Fadzil bin Muhammad Noor, PAS menempa sejarah yang semakin cemerlang dengan memimpin GERAK, menerajui BA (Barisan Alternatif), kemudian ber-*tahlul siasi* dalam PR (Pakatan Rakyat). Dengan berslogankan *PAS for All*, ianya berjaya menjulang PAS ke satu tahap yang amat baik. Kecemerlangan PAS tidak dapat dinafikan, kerana ada dua tonggak yang menerajui PAS berjaya membuka lembaran baru PAS dari sebuah parti Melayu yang *extreme* kepada sebuah parti yang lebih terbuka dan progresif.

Ketika di bawah kepimpinan Haji Fadzil bin Muhammad Noor, PAS memulakan permuafakatan politik dengan non-Muslim. Melalui Lajnah HAK (Hubungan Antara Kaum), PAS berjaya membina landasan persahabatan dengan DAP (*Democratic Action Party*). Kerjasama ini berjaya membentuk Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK) tahun 1998, apabila Anwar Ibrahim dipecat dan diaibkan oleh UMNO. Ketika inilah lahirnya slogan *PAS for All*, yang berjaya menawan hati rakyat Malaysia.

Julungkalinya PAS mula mendapat tempat dalam kalangan masyarakat bukan Islam. Sehingga kemudiannya membentuk BA (Barisan Alternatif) tahun 1998. Melalui pergerakan ini memperlihatkan dalam seri Pilihan Raya Umum, PAS mula mendapat sokongan masyarakat majmuk. Walaupun pada 23 Jun 2003, PAS kehilangan seorang pemimpin yang cukup terbuka dan progresif, iaitu Haji Fadzil bin Muhammad Noor akibat komplikasi jantung.

Kepimpinan PAS diambil-alih oleh Timbalan Presiden, iaitu Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang. Kepimpinan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang dibantu rapat oleh *Mursyidul Am* PAS, iaitu Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, serta dibantu oleh golongan profesional seperti Mohamad Sabu, Mahfooz Omar, Khalid Samat, Dr. Hatta Ramli, dan ramai lagi. Legasi yang ditinggalkan oleh Allahyarham Haji Fadzil bin Muhammad Noor merupakan sebuah rintis jalan terbuka buat PAS dalam usaha menjadi sebuah parti alternatif kepada rakyat Malaysia.

Di bawah payung PR (Pakatan Rakyat), PAS menempa sejarah yang berulang seperti Pilihan Raya tahun 1959. Melalui BA, PAS berjaya merampas semula Negeri Terengganu pada November 1999. Timbalan Presiden PAS, Datuk Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, diangkat sebagai Menteri Besar Terengganu dari tahun 1999 hingga 2004.

Gabungan kepimpinan PAS antara ulama dan profesional berjaya melonjak nama PAS dalam persada politik Malaysia, sehingga membentuk PR pada 1 April 2008. Kematangan politik PAS semakin terserlah melalui gabungan baru pembangkang, dengan nama "PR (Pakatan Rakyat) ini pada tahun 2008 (Saat, 2013:187).

Kejayaan terbesar dalam sejarah PAS dengan berjaya menerajui tiga kerajaan Negeri, iaitu: Kelantan, Kedah, dan Perak, selain turut serta dalam membentuk kerajaan di Selangor. Pilihan Raya tahun 2008, PAS bersama gabungannya berjaya menidakkan majoriti BN (Barisan Nasional) buat pertama kalinya. Hatta, berjaya menawan 5 buah kerajaan Negeri. Ini membuktikan bahawa pendekatan *tahtul syiasi* membuahkan hasil yang cukup baik dan diterima oleh majoriti rakyat Malaysia (Badaruddin & Shaharuddin, 2017:151).

Sejarah Perpecahan Berulang. Kepulangan ke rahmatullah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat pada 12 Februari 2015 membuatkan PR (Pakatan Rakyat) kehilangan tonggak utama. Walaupun Allahyarham Nik Abdul Aziz Nik Mat hanya berjawatan *Mursyidul Am* PAS (Parti Islam se Malaysia), tetapi beliau berjaya menjadi ikon perpaduan dalam kalangan parti pembangkang, khususnya PR. Malah, berjaya

mengawal PAS dari dikuasai oleh golongan agama semata-mata.

Hatta, dalam Muktamar PAS pada 15-17 Ogos 2008, di Stadium Indra Mulia, Ipoh, Perak, beliau mengingatkan ahli-ahli PAS agar kekal bersama PR. Malah, beliau menentang keras “Kerajaan Perpaduan”, yang cuba diusahakan oleh sebahagain pimpinan PAS waktu itu. Lantaran itu, keadaan dapat dikawal. Namun, hasrat dan harapan beliau pergi bersama-sama beliau.

Kemunculan “Geng Ustaz” dalam PAS membuatkan kepimpinan PAS berdilema. Pertembungan pemahaman dan pendekatan menyebabkan timbulnya bibit-bibit tidak puas hati, sehingga membawa kepada gerakan penyingkiran golongan profesional dalam PAS, dengan tuduhan terlalu *Anwarisme*. Malah kumpulan ini juga turut dilabelkan sebagai “Kumpulan Erdogan”.

Peristiwa “Doa Laknat” dalam Muktamar PAS ke-60 di Parit Salleh Ros, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, pada 18-20 September 2014, membuktikan wujudnya usaha dan gerakan penyingkiran golongan profesional dalam PAS. Peristiwa “Doa Laknat” persis pengulangan peristiwa penolakan ucapan dasar Dato Muhammad Asri Haji Muda tahun 1983, dengan laungan “*Marhabah Asri*”. “Doa Laknat” yang menimbulkan suasana tidak tenteram dalam muktamar tersebut amat mengguris golongan profesional dan penyokong-pernyokongnya.

Sindirin Presiden PAS sendiri terhadap golongan profesional, yang terlalu bertoleransi dengan rakan-rakan politik, cukup pedas. Dengan ertikata lain, kalau tidak bersetuju dengan prinsip perjuangan PAS, sila memilih *platform* lain untuk berpolitik. Ini menunjukkan kegagalan Presiden PAS menjadi “ayah” kepada dua golongan yang sedang berbalah; tetapi sebaliknya, beliau memilih untuk berpihak kepada golongan Ustaz. Ini membuatkan PAS berada di persimpangan jalan antara dua golongan yang berbalah.

Muktamar PAS pada 4-6 Jun 2015 di Kuala Selangor, Negeri Selangor meyakinkan golongan Ustaz berjaya mengalahkan golongan Profesional secara berjemaah. Dengan kekalahan kumpulan profesional ini juga ketetapan muktamar PAS memutuskan hubungan dengan DAP; berakhirlah *tahlul syiasi*, maka berkuburlah PR (Pakatan Rakyat).

Kekalahan golongan profesional yang akhirnya menyebabkan berlakunya perpecahan terhadap PAS itu sendiri. Kumpulan profesional meninggalkan PAS dan menubuhkan sebuah parti baharu bernama Parti Amanah Negara (AMANAH) pada 16 September 2015. Ini membuktikan sejarah tetap berulang, walaupun situasi berbeza. PAS pernah “melahirkan” parti baharu, seperti: HAMIM, BERJASA, dan AMANAH.

Walau apapun yang melanda PAS, tetapi PAS terus mengorak langkah berpolitik dalam suasana sistem demokrasi di Malaysia. Walaupun pernah ditegaskan oleh Presiden PAS dengan penafian dalam ucapan dasar di Mukhtamar PAS yang berlangsung di Batu Pahat tahun 2014. Tuduhan ingin berkerjasama dengan UMNO (*United Malay National Organization*) merupakan satu fitnah (Awang, 2014:7).

Tetapi, pada 14 September 2019, ternyata kerjasama dengan UMNO menjadi nyata di bawah payung Muafakat Nasional. Malah, PAS mengorak langkah lebih berani dengan terlibat dalam penubuhan Perikatan Nasional pada 7 Ogos 2020 melalui Langkah Sheraton. Satu langkah yang rata-rata rakyat Malaysia tidak boleh terima, kerana mandat yang diberikan kepada PH (Pakatan Harapan) dirampas oleh PN (Perikatan Nasional), yang tidak melalui Pilihan Raya Umum.

Persoalan yang menjadi tanda tanya ialah bagaimana PAS yang mendakwa sebagai sebuah parti Islam atau gerakan Islam boleh terlibat sama dalam Langkah Sheraton ini? Maka terdengar suara-suara yang menyamakan Langkah Sheraton ini sebagai suatu pengkhianatan terhadap sistem demokrasi. Hanya sejarah yang akan menjawabnya suatu hari nanti.

RUMUSAN

Penganalisaan terhadap kajian krisis dalaman ini hendaklah dijadikan pedoman dan sempadan agar sejarah tidak berulang demi untuk memastikan keberkesanan kepimpinan PAS (Parti Islam se Malaysia) dalam era alaf baru. Masalah dalaman sesebuah parti sesungguhnya amat berbahaya, kerana ia mampu melumpuh dan menghancurkan parti tersebut.

Sesungguhnya pengalaman sejarah politik sesebuah parti politik amat penting agar ianya dijadikan sebagai pengalaman dan panduan agar pisang tidak berbuah dua kali, malah demi untuk memastikan perjuangan PAS relevan sepanjang zaman. Para pendukung muda dalam PAS harus mengetahui sejarah panjang PAS. Ini amat penting, kerana mereka yang meyakini perjuangan Islam PAS jangan sekali-kali buta sejarah PAS. Semangat tinggi semata-mata tidak akan membawa ke mana-mana.

Tetapi mencintai PAS mestilah bermula dengan mengenali sejarah panjang perjuangan politik PAS, serta menghargai pemimpin-pemimpin terdahulu. Lebih-lebih lagi mereka yang pernah berjasa kepada PAS. Sesungguhnya, sejarah tidak boleh dipadamkan begitu sahaja. Sama ada mereka yang terlibat secara langsung dalam perjuangan PAS ataupun sebagai sejarawan yang menjadi pengkaji sejarah politik bangsa Melayu.

Lantaran itu, kepimpinan PAS harus melihat sejarah agar dijadikan ikhtibar dan panduan dalam mengemudi bahtera PAS agar sentiasa dalam keadaan relevan untuk rakyat Malaysia tanpa membelakangkan prinsip perjuangan PAS itu sendiri. Beristiqamahlah dalam memperjuangkan daulah Islamiah dengan mengambilkira pendekatan politik yang diterima oleh rakyat Malaysia.⁴

Referensi

- Abdullah, Abdul Rahman Haji. (1998). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran Gerakan Reformasi (II)*. Kuala Lumpur: Pusat Pendidikan Jarak Jauh, USM [Universiti Sains Malaysia], dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, Firdaus Haji. (1985). *Radical Malay Politics: Its Origins and Early Development*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.

⁴*Nota Campur*: Kertas kerja ini, pada mulanya, telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Islam dalam Arus Sejarah, anjuran Bahagian Sejarah PPIK [Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan], Bahagian Sejarah dan Sains Politik PPPJJ USM [Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia], dan Penang Institute di Pulau Penang, Malaysia, pada 26-28 Mei 2022. Kami bertiga merakamkan berbanyak terima kasih kepada Dr. Andi Suwarta daripada ASPENSI (Asosiasi Sejarawan dan Pendidik Sejarah Internasional) di Bandung, Jawa Barat, Indonesia, yang sudah mengedit-semak dan mencadangkan supaya kertas kerja ini diterbitkan oleh mana-mana jurnal akademik anjuran ASPENSI di Indonesia.

- Abdullah, Nabir Haji. (1976). *Maahad Il Ihyas Syarif Gunung Semanggol, 1934-1959*. Bangi, Selangor: Jabatan Sejarah UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Adam, Ramlah. (1998). *Kemelut Politik Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit UM [Universiti Malaya].
- Adam, Ramlah. (2000). *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, Qasim. (2004). “Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan” dalam Qasim Ahmad [ed]. *Kekerasan dalam Sejarah: Masyarakat dan Pemerintah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi II, cetakan I 1993.
- Al-Helmy, Burhanuddin. (1956). *Teks Ucapan Dr. Burhanuddin Al-Helmy*. Kuala Lumpur: Pejabat PAS Pusat.
- Awang, Abdul Hadi. (2014). *Teks Ucapan Dasar PAS ke-60*. Kuala Lumpur: Pejabat PAS Pusat, Kuala Lumpur.
- Badaruddin, Shaharuddin & Mohammad Syazwanuddin Shaharuddin. (2017). *Islam, Demokrasi, dan Politik Bangkangan di Malaysia*. Shah Alam: Institut Darul Ehsan.
- Effendy, Fathonah. (2024). “Ideologi Parti Islam Se-Malaysia (PAS)”. Wujud dalam talian: [https://www.academia.edu/32916157/Ideologi Parti Islam Se Malaysia PAS](https://www.academia.edu/32916157/Ideologi_Parti_Islam_Se_Malaysia_PAS) [dilayari di Tanjong Malim, Perak, Malaysia: 5 Oktober 2025].
- Halim, Jamaie *et al.* (2016). “Pengaruh Budaya Politik Baharu dalam Politik Malaysia” dalam Mohamad Takiyuddin & Sity Daud [eds]. *Pilihan Raya Umum ke-13: Refleksi Politik Perubahan*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Hati, Silvia Tabah *et al.* [Nur Anisa, Risera Bratisya & Fitriana]. (2025). “Dasar-dasar Ilmu Sejarah Berdasarkan Kategori dan Sumber” dalam *Jurnal Transformasi Pendidikan Modern*, Volume 6(1), Januari, ms.294-308. Wujud dalam talian juga di: <https://ejournals.com/ojs/index.php/jtpm/article/view/808/894> [dilayari di Tanjong Malim, Perak, Malaysia: 5 Oktober 2025].
- Helmiati. (2007). *Islam dalam Masyarakat dan Politik Malaysia*. Pekanbaru, Riau: SUSKA [Sultan Syarif Kasim] Press, UIN [Universitas Islam Negeri] SUSKA.
- Hussain, Ahmad Atory. (2000). *Dari Berantakan Menuju Pembangunan Politik Melayu, 1990-2000*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors.
- Isa, Nasaruddin Mat. (2001). *The Islamic Party of Malaysia (PAS): Ideology, Policy, Struggle, and Vision towards the New Millennium*. Kuala Lumpur: PAS Pusat.
- Isa, Nasharudin Mat. (2001). *50 Tahun Mempelopori Perubahan: Menyingkap Kembali Perjuangan PAS 50 Tahun*. Batu Caves: Penerbitan Ahnaf.
- Jaafar, Kamaruddin. (2000). *Memperingati Tuan Haji Yusof Rawa*. Kuala Lumpur: Penerbit IKDAS.
- Muda, Muhammad Asri Haji. (1993). *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Muhamed, Alias. (1984). *Gerakan Sosial dan Politik Kelantan*. Kuala Lumpur: Insular Publishing.
- Muhamed, Alias. (1994). *PAS Platform: Development and Change, 1951-1986*. Petaling Jaya: Gateway Publishing.

- Noor, Dato Haji Fadzil Mohd. (2001). *Teks Ucapan Dasar: Muktamar PAS yang ke-37*. Kuala Lumpur. Pejabat Agung PAS Pusat.
- Saat, Ishak. (2013). *Warisan Kepimpinan dan Ketuanan Melayu, 1945-2013*. Batu Pahat: Penerbit UTHM [Universiti Tun Hussein Onn Malaysia].



Keluarga Besar PAS

(Sumber: <https://www.google.com/search?q=Ahli+dan+Pengerusi+PAS+di+Malaysia>, 14/07/2026)

PAS (Parti Islam se Malaysia) memiliki sejarah yang cukup panjang. Tribulasi yang dihadapi oleh PAS mematangkan perjuangan sebuah parti politik. Keberkesanan strategi dan perjuangan memberi kesan kepada agama Islam itu sendiri, kerana parti ini menggunakan agama sebagai dasar perjuangan.